

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November, 1992

AKP401 - PENGAUDITAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LAPAN soalan. Soalan-soalan daripada Bahagian A adalah WAJIB dan jawab EMPAT soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A (WAJIB)

Jawab SEMUA soalan.

1. Anda baru sahaja selesai mengaudit sebuah syarikat besar yang bergiat dalam perniagaan am, pembangunan dan pengurusan harta dan perladangan. Berikut adalah penerangan mengenai berbagai-bagai aspek kawalan dalaman dan lain-lain maklumat yang berkaitan.

Bahagian Peladangan

- (a) Semasa membuat lawatan mengejut ke salah satu daripada ladang-ladangnya, kiraan stok menunjukkan keputusan berikut:

	<u>Mengikut kiraan</u>	<u>Mengikut kad lejar</u>
Minyak diesel	3,791 gelan	3,800 gelan
Tayar traktor	5	6
Bungkusan baja	1,540	1,540

...2/-

AKP401

- (b) Semasa memerhatikan pembayaran upah kepada pekerja-pekerja ladang, tatacara berikut telah dilihat:

"Konduktor ladang akan memanggil nama pekerja-pekerja dan seterusnya memberikan sampul yang mengandungi wang upahan di mana nama pekerja telahpun siap tertulis. Setelah memberikan sampul tersebut, konduktor itu akan memangkah nama pekerja berkenaan di dalam senarai untuk menandakan yang pembayaran telah dibuat kepadanya."

Perniagaan Am

- (a) Kesemua pesanan belian baru diluluskan oleh pengurus besar. Jika ia tiada, kelulusan dilakukan oleh kerani A. Pada akhir setiap bulan, B, selaku ketua kerani akan memeriksa kesemua pesanan tersebut untuk menentukan yang ianya mempunyai tanda kelulusan pengurus besar ataupun kerani A.
- (b) Penjaga stok mengeluarkan stok mengikut butiran yang terdapat di dalam Arahan Serahan. Ia menyimpan salinan ketiga, menghantar salinan kedua kepada kerani di Jabatan Akaun yang akan mengemaskinikan rekod stok dan menyimpan Arahan Serahan di dalam fail. Salinan asal akan dihantarkan berserta dengan stok kepada pelanggan syarikat.

Pembangunan dan Pengurusan Harta

- (a) Salah satu daripada harta yang diuruskan ialah sebuah blok rumah pangsa di mana penyewa-penyewanya membayar sewa bulanan secara tunai. Selepas menerima sewa bulanan itu, resit akan dikeluarkan oleh juruwang dan ditandatangani oleh pengurus harta.

Ringkasan jumlah wang yang diterima disediakan setiap hari dan diselaraskan dengan buku tunai. Juruwang kelihatan mempunyai cara hidup yang mewah berbanding dengan pendapatan bulanannya.

- (b) Syarikat telah diberi satu kontrak untuk menjalankan kerja membina bangunan 12 tingkat. Malangnya, oleh kerana kurang penyeliaan ketika membinanya, bangunan itu mulai condong. Pasukan audit mengetahui tentang hal ini hanya selepas akaun telah disediakan.

...3/-

AKP401

Dikehendaki:

- (i) Terangkan tujuan serta kandungan surat pengurusan.
- (ii) Berpandukan kepada perkara-perkara di atas nyatakan kelemahan sistem kawalan dalaman yang wujud di dalam syarikat ini berserta dengan cadangannya sekali.

[18 markah]

2. IAG 25 mendefiniskan "Materiality" seperti berikut:

"Materiality refers to the magnitude or nature of a misstatement (including an omission) of financial information either individually or in the aggregate that, in the light of surrounding circumstances, makes it probable that the judgement of a reasonable person relying on the information would have been influenced or his decision affected, as a result of the misstatement."

Dikehendaki:

- (a) Bagaimanakah konsep "Materiality" boleh menolong juruaudit di dalam membuat perancangan dan menilai bukti audit?
- (b) Jelaskan perbezaan konsep "Materiality" dan "Tolerable error".

[15 markah]

3. Anda telah diberikan fail audit setelah tamat pengauditan akaun pelanggan, Comel Bhd. bagi tahun berakhir 31 Disember, 1990.

- (a) Senaraikan 6 jadual yang anda akan dapati di dalam fail audit semasa.
- (b) Apakah jadual dan dokumen yang akan anda gunakan untuk menyokong kerja audit ke atas butiran aset tetap?
- (c) Apakah maklumat atau rekod yang terkandung di dalam fail tetap yang dianggap penting di dalam pengauditan aset tetap ini?

[10 markah]

...4/-

AKP401

4. Penyata penyesuaian bank bagi ABC Sdn. Bhd. pada tarikh kunci kira-kira yang berakhir pada 31.12.1991 adalah seperti berikut:

Baki seperti penyata bank	\$10,000
Tolak cek-cek yang belum dikemukakan	\$25,000

Overdraf seperti di buku tunai	\$15,000
	=====

Dikehendaki:

- (a) Hanya 1 sahaja cek yang belum dikemukakan dan ianya bernilai \$25,000. Terangkan tatacara audit yang boleh digunakan untuk mendapat kepastian bahawa kesemua cek yang belum dikemukakan telah diambil kira.
- (b) Satu daripada tatacara audit yang menjadi amalan juruaudit di dalam mengaudit baki bank ialah mencatatkan tarikh cek dijelaskan di dalam kertas kerja audit. Terangkan kepentingan tatacara ini.
- (c) Pengurus ABC Sdn. Bhd. bercadang untuk membuat catatan pelarasan pada tarikh kunci kira-kira seperti berikut:

Tunai	\$16,000	
Akaun-akaun belum bayar		\$16,000

Pengurus tidak mahu menunjukkan baki bank sebagai overdraf di dalam kunci kira-kiranya. Catatan pelarasan di atas akan menukarkan \$15,000 overdraf kepada baki tunai sebanyak \$1,000.

Pengurus menerangkan bahawa cek yang berjumlah \$16,000 telah dituliskan dengan tujuan menjelaskan hutang yang telah matang sebelum tarikh kunci kira-kira. Walau bagaimanapun, disebabkan kekurangan tunai pada masa cek dituliskan, maka cek tersebut tidak dihantarkan tetapi sebaliknya pengurus telah menyimpan cek itu di dalam peti berkunci syarikat. Cek hanya diposkan pada 5 Januari, 1992 apabila wang tunai syarikat mencukupi.

Adakah anda bersetuju dengan catatan pelarasan yang telah dibuat? Bincangkan.

[17 markah]

...5/-

BAHAGIAN B

Jawab EMPAT soalan sahaja.

5. (a) Menurut IAG 17,

"Parties are considered to be related if one party has the ability to control the other party or exercise significant influence over the other party in making financial and operating decisions".

- (i) Adakah hubungan yang berkaitan (related parties) ini perlu dibentangkan di dalam penyata kewangan? Jika ya, mengapakah ia perlu dibentangkan?
- (ii) Bagaimanakah cara juruaudit boleh mengenalpasti hubungan ini? Berikan 3 contoh hubungan berkaitan yang boleh berlaku di dalam sesebuah syarikat.
- (iii) Andaikan anda mempunyai bukti bahawa urusan di antara pihak yang berkaitan wujud. Pihak pelanggan enggan menyatakan fakta ini di dalam penyata kewangan. Apakah tindakan yang boleh anda ambil?

[10 markah]

6. Kajian analitikal adalah suatu alat audit yang berguna dan melibatkan penganalisan nisbah-nisbah dan tren-tren (trends) penting dan selanjutnya menjalankan penyiasatan ke atas "fluctuations" dan perkara-perkara luar biasa yang telah dikenalpasti ini. Senaraikan 4 nisbah penganalisan yang boleh anda gunakan di dalam mengaudit jualan dan akaun belum terima dagangan. Berikan alasan anda.

[10 markah]

7. Anda adalah salah seorang daripada kumpulan juruaudit yang sedang menjalankan tugas di sebuah syarikat yang mempunyai berbagai-bagai item loji dan jentera di dalam bukunya.

...6/-

AKP401

- (a) Terangkan maksud daftar aset tetap dan senaraikan maklumat yang dijangka akan didapati di dalamnya berhubung dengan loji dan jentera.
- (b) Apakah tatacara yang perlu anda lakukan untuk memastikan
 - (i) loji dan jentera yang dibeli pada tahun itu telah diberi kuasa oleh pengarah?
 - (ii) susutnilai loji dan jentera adalah betul?

[10 markah]

8. Persampelan audit ialah penggunaan tatacara substantif atau pematuhan ke atas kurang daripada 100% butiran di dalam sesuatu baki akaun atau kumpulan urusanniaga. Tujuannya ialah untuk membolehkan juruaudit mendapat maklumat mengenai ciri akaun atau urusanniaga itu.

Dikehendaki:

- (a) Terangkan 2 kaedah yang boleh digunakan di dalam persampelan pertimbangan.
- (b) Terangkan keadaan yang mesti wujud sebelum persampelan statistik boleh digunakan.
- (c) Nyatakan langkah-langkah penting di dalam penggunaan kaedah persampelan sifat.

[10 markah]

9. (a) Salah satu daripada teknik utama yang digunakan oleh juruaudit untuk mendapatkan bukti sebagai asas mengeluarkan pendapatnya ialah "pengesahan". "Pengesahan" ialah satu proses mendapatkan bukti daripada pihak ketiga dan proses ini boleh menolong juruaudit membuat keputusan sama ada nilai yang dicatatkan pada tarikh kunci kira-kira adalah benar dan saksama. Terangkan secara ringkas 5 teknik utama lain yang boleh digunakan bagi menentukan kebenaran dan kesaksamaan nilai yang dicatatkan pada tarikh kunci kira-kira.
- (b) Dalam hubungan pengesahan siberhutang, apakah langkah-langkah yang anda akan ambil berhubung dengan:
 - (i) siberhutang yang tidak menjawab?

...7/-

AKP401

- (ii) Siberhutang yang menjawab tetapi baki yang disahkan adalah berlainan daripada baki di kunci kira-kira?

[10 markah]

10. (a) Susunkan ujian-ujian berikut mengikut kos yang terlibat iaitu daripada yang paling tinggi hingga yang paling rendah.

- Ujian baki.
- Ujian kawalan.
- Ujian urusanniaga substantif.

Jelaskan mengapa anda membuat pilihan demikian.

[10 markah]

- (b) Encik Zul, seorang pemegang saham yang terbesar di dalam Syarikat Padprik Sdn. Bhd. juga merupakan pengarah syarikat tersebut. Beliau telah membuat keputusan untuk menamatkan perkhidmatan firma auditnya. Ia telah menelefon anda untuk meminta nasihat mengenai tatacara yang perlu diikuti oleh Syarikat Padprik untuk melakukan perkara tersebut. Berikan nasihat anda berpandukan kepada Akta Syarikat 1965.

[10 markah]

---ooo000ooo---